



**TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN
HARI RAYA AIDILFITRI 2021**

**TARIKH: 1 MEI 2021 (SABTU), MASA: JAM 11.00 PAGI
BERTEMPAT DI KOMPLEKS JAPERUN LENDU**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh;

Salam Sejahtera

Salam 'Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit
Dunia"

Terima kasih Pengacara Majlis;

(Salutasi Di Rostrum)

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya, kita diberi kelapangan waktu dan sihat tubuh badan, untuk hadir bersama-sama pada **Majlis Penyampaian Sumbangan Hari Raya Aidilfitri bagi tahun 2021.**
2. Pertamanya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada YB Datuk Wira Latipah binti Omar, EXCO Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kebajikan dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka, Pejabat Kebajikan

Masyarakat Daerah Alor Gajah serta JAPERUN Lendu kerana telah berjaya mengatur dan mengelola Majlis Penyampaian Sumbangan Hari Raya Aidilfitri pada pagi ini.

3. Terima kasih juga saya ucapkan kepada dif-dif jemputan serta semua penerima sumbangan yang dapat hadir di majlis ini. Kepada semua penerima sumbangan yang diraikan, semoga dengan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan, sedikit sebanyak dapat memberi peluang untuk saya beramah mesra dan berintekraksi dengan tuan-tuan dan puan-puan, seterusnya melaksanakan hasrat

kerajaan dalam menyampaikan amanah secara terus kepada rakyat.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

PERAYAAN AIDILFITRI NORMA BAHARU

4. Hari ini merupakan hari ke-19 umat Islam berpuasa dan tidak lama lagi kita pula bakal menyambut Hari Raya Aidilfitri, In Shaa Allah. Seperti lazimnya, kita semua sedia maklum, tradisi di negara kita ini, apabila tibanya apa sahaja musim perayaan, masyarakat berbilang kaum tidak kira Melayu, India dan Cina pasti

akan berkumpul dan berkongsi hari yang istimewa ini dalam suasana perayaan yang sungguh meriah.

5. Sungguhpun begitu, seperti tahun lepas juga, Perayaan Aidilfitri tahun ini akan disambut dengan sambutan yang sederhana, di mana kita perlu terapkan amalan-amalan norma baharu serta mematuhi segala Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan.
6. Walaupun kita masih tidak dibenarkan merentas negeri, namun, keadaan pandemik COVID-19 kali ini lebih baik berbanding tahun lepas. Kita perlu bersyukur, kerana, tahun ini, kita masih dibenarkan ke bazar-bazar

Ramadan untuk membeli baju raya serta membeli barang persiapan raya seperti kuih-muih dan sebagainya.

7. Tambahan lagi, kita juga masih dibenarkan merentas daerah dan jika wabak ini masih terkawal. In Shaa Allah, kita juga dibenarkan menunaikan solat Hari Raya Aidilfitri. Walau bagaimanapun, itu semua terpulang dengan keadaan semasa COVID-19.
8. Justeru, saya harap, saudara dan saudari terus mematuhi SOP untuk menyambut perayaan Aidilfitri ini, lebih-lebih lagi apabila dibenarkan menziarahi saudara-

mara dan sahabat handai terdekat. Jangan lupa sentiasa memakai pelitup muka, membasuh tangan atau menggunakan *hand sanitizer* serta sentiasa menjaga penjarakan fizikal walaupun saya tahu, sebahagian daripada saudara dan saudari di sini telah pun mengambil vaksin COVID-19.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

SUMBANGAN AIDILFITRI

9. Setiap kali tibanya musim perayaan utama, Kerajaan Negeri Melaka tidak pernah lupa untuk hulurkan

sumbangan kepada rakyat yang kurang bernasib baik. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui Tabung Wang Amanah Kebajikan Negeri memperuntukkan sejumlah **Ringgit Malaysia Dua Ratus Lapan Puluh Ribu (RM280,000.00)** untuk diagih kepada **1,400 orang** penerima sumbangan Bantuan Perayaan Aidilfitri bagi tahun 2021 sebelum menjelang perayaan Hari Raya Aidilfitri pada 13 Mei 2021 ini.

10. Saya difahamkan, pada pagi ini, seramai **250 orang** penerima pertama dari DUN-DUN di dalam Parlimen Masjid Tanah akan menerima bantuan sumbangan Hari Raya Aidilfitri ini.

11. Selain itu, YAB Perdana Menteri telah memperuntukkan **Ringgit Malaysia Lima Puluh Juta (RM 50 Juta)** di bawah Bantuan PERMAI 2021 bagi menyediakan Bakul Makanan PERMAI. Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menerima sejumlah **24,661 buah Bakul PERMAI** yang akan diagihkan kepada semua penerima bantuan. Setiap satu bakul PERMAI ini bernilai **Ringgit Malaysia seratus (RM 100.00)**. Sumbangan Bakul PERMAI ini juga merupakan satu cara sokongan sosial kepada mereka yang berkeperluan oleh Kerajaan Malaysia.

12. Sehubungan dengan itu, saya dimaklumkan, pada hari ini, seramai **10 orang** akan menerima sumbangan Bakul Makanan PERMAI. Diharapkan, bantuan Bakul Makanan PERMAI dan sumbangan Hari Raya Aidilfitri ini dapat membantu mereka yang memerlukan dalam menjalani ibadah puasa serta sedikit sebanyak dapat memberikan kegembiraan kepada saudara dan saudari untuk meraikan kedatangan 1 Syawal nanti.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

PENUTUP

13. Pada kesempatan ini, saya mewakili Kerajaan Negeri Melaka mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin dengan harapan semoga perayaan ini akan membawa kebahagiaan kepada kita semua.

14. Akhir kata, dengan lafaz suci, Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Majlis Penyampaian Sumbangan Perayaan Aidilfitri Tahun 2021 Kerajaan Negeri Melaka.

Sekian, Terima kasih.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ ...

